

19/06/1998

Zahid sudah isytihar harta

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi sudah mengisytiharkan semua hartanya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebulan selepas dipilih mengetuai pergerakan itu.

Zahid berkata, ketika pengisytiharkan itu dibuat, Perdana Menteri yang juga Persiden Umno tidak memberikan sebarang komen mengenainya.

"Walaupun saya tidak memegang jawatan dalam kerajaan, saya mengisytihar harta saya dengan kerelaan kepada Perdana Menteri," katanya selepas perhimpunan Pemuda Umno berakhir, petang ini.

Terdahulu itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Suhaimi Ibrahim memberitahu, beliau mencabar Zahid membuktikan 'kebersihan' dirinya dahulu, dengan mengisytihar hartanya di Perhimpunan Agung Umno yang bermula hari ini.

"Saya harap ia hanya kritikan dalaman, teguran dan peringatan ikhlas kepada lapisan pemimpin.

"Bagi memastikan Zahid terus dilihat sebagai pemimpin dihormati serta sebagai Ketua Pemuda, sudah tentu tidak menjadi masalah bagi beliau untuk mengisytihar dirinya tidak terbabit dalam sebarang agenda nepotisme dan berjaya dengan usaha sendiri," katanya.

Mengulas cabaran itu, Zahid berkata, tiada apa yang perlu beliau selindungi sekarang.

"Saya tidak ada jawatan awam, saya adalah usahawan. Apa yang ada pada saya bukan harta curi, bukan harta rasuah dan hasil tipuan, maka saya telah isytihar kepada Perdana Menteri dan beliau tidak komen apa-apa, " katanya.

(END)